

# **Britain dan Pencapaian Berkerajaan Sendiri Brunei: Mengimbas Hubungan Brunei dan Britain Sejak Akhir Perang Dunia Kedua Sehingga 1959**

Mohd Yusop Damit  
Jabatan Sejarah  
Universiti Brunei Darussalam

## Pengenalan

Kejatuhan wilayah-wilayah jajahan dan naungan Britain di Asia Tenggara kepada Tentera Jepun pada tahun 1941 dan 1942 tidak melenyapkan harapan British untuk menguasai semula wilayah-wilayah tersebut. Bagaimanapun mereka menyedari bahawa perubahan yang dibawa oleh Perang Pasifik memerlukan penilaian semula dasar penjajahan mereka sebelum perang di seluruh kawasan berkenaan. Terdapat dua faktor penting yang mempengaruhi pembuat dasar di London semasa perang. Pertama, masyarakat British menjadi kritikal terhadap dasar penjajahan kerajaan yang sebahagiannya disalahkan sebagai penyebab kekalahan mereka oleh Tentera Jepun. Yang jelas, rakyat di tanah jajahan dan naungan enggan mempertahankan wilayah mereka dari serangan Jepun. Kedua, Amerika, yang melihat tanah jajahan Eropah sebagai penghalang kepada kepentingan politik dan ekonomi mereka di Asia Tenggara, mahu wilayah-wilayah tersebut dibebaskan dan diberi peluang untuk menentukan masa depan sendiri selaras dengan semangat Piagam Atlantik Ogos 1941.

Justeru, semasa perang itu British telah pun merangka dasar bagi wilayah-wilayah yang akan mereka kuasai semula dengan tujuan menggalakkan kemajuan sosial, ekonomi dan politik serta mempertahankan kepentingan mereka setelah mereka berundur dari wilayah-wilayah berkenaan. Bagi mencepatkan proses perubahan dalam wilayah mereka di Asia Tenggara, Kerajaan British telah mengambil keputusan untuk mendapatkan kuasa penuh dalam pemerintahan wilayah-wilayah berkenaan, misalnya, dengan mengambilalih Pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Sabah dan membuat perjanjian baru dengan Raja Vyner Brooke di Sarawak dan Sultan Ahmad Tajuddin di Brunei.

Jadi apabila perang berakhir Pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara dihapuskan dan Sabah diperintah terus dari London. Tanah jajahan Pulau Labuan digabungkan dengan pentadbiran baru itu. Pemerintahan Raja Brooke di Sarawak juga dihapuskan dan Britain mengambilalih kerajaannya apabila Vyner Brooke memutuskan untuk menyerahkan Sarawak kepada Britain. Bagaimanapun di Brunei, Pentadbiran Residen diperkenalkan semula apabila rancangan untuk membuat perjanjian baru dengan Sultan Brunei ditangguhkan sebab ketika itu British gagal mendapatkan pegawai tinggi British yang sesuai bagi tugas itu. Perjanjian 1888 dan 1905/06 hanya memberikan kuasa penuh kepada British dalam hal ehwal luar dan dalam perkara lain kuasa British adalah melalui kuasa nasihat melalui Residen. Walaupun Perjanjian 1905/06 mewajibkan Sultan meminta dan melaksanakan nasihat dari Residen, British menganggap kuasa nasihat ini belum memadai bagi membuat perubahan politik dan sosial yang diperlukan. Kerananya

perjanjian baru dengan Sultan Ahmad Tajuddin diperlukan bagi mencapai matlamat dasar pembaharuan yang dirangka.<sup>1</sup>

Tetapi rancangan Malayan Union pada 1946 yang memaksa raja-raja Melayu menyerahkan kuasa mereka kepada Mahkota British untuk membolehkan Kerajaan British membuat pembaharuan bagi negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu telah mengakibatkan kebangkitan orang-orang Melayu menentang rancangan British itu; sehingga ia terpaksa dibubarkan dan diganti dengan rancangan Persekutuan Negeri-Negeri Melayu. Begitu juga penyerahan Sarawak kepada Britain mengakibatkan kemunculan Gerakan Anti-Penyerahan oleh masyarakat Melayu Sarawak. Untuk menghindari kemungkinan perkara yang sama terjadi di Brunei, British telah mengambil keputusan untuk menanggukkan niat mereka untuk membuat perjanjian baru dengan Sultan Brunei. Mereka menyedari bahawa tanda-tanda kemungkinan terjadi penentangan itu wujud dengan kemunculan Barisan Pemuda atau BARIP pada tahun 1945 yang melaungkan kedaulatan raja dan kemerdekaan Brunei.

### Perubahan Pentadbiran 1948

British berpendapat sebagai sebuah negara, Brunei terlalu kecil untuk berdiri di atas pentadbiran sendiri, kerana ia sukar untuk memperoleh pegawai pentadbir dan teknikal kanan yang mencukupi bagi perkhidmatan awamnya. Justeru, dengan berpentadbiran sendiri, ia tidak akan dapat mewujudkan sebuah pentadbiran yang baik. Oleh yang demikian mereka telah mengambil kesimpulan untuk menggabungkan pentadbiran Brunei dengan pentadbiran Sarawak, supaya Sarawak dapat membantu meminjamkan pegawai perkhidmatan awam yang diperlukan.<sup>2</sup>

Dalam rancangan itu Gabenor Sarawak akan dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, dan Residen serta pegawai kanan dan teknikal adalah terdiri dari Perkhidmatan Awam Sarawak. Walaupun Brunei akan kekal wujud sebagai sebuah negeri sendiri, British sedar bahawa penggabungan dengan sebuah tanahjajahan mempunyai implikasi dari segi imej Brunei yang mempunyai status sebagai sebuah negeri naungan British dan mungkin akan menimbulkan tentangan dari rakyat Brunei.

Belajar dari pengalaman mereka semasa melaksanakan rancangan Malayan Union dan penyerahan Sarawak, British telah membuat keputusan untuk terlebih dahulu menghadapkan rancangan itu kepada Sultan Brunei untuk mendapat restu baginda dan kemudian mengemukakannya kepada Majlis Mesyuarat Negeri untuk mendapatkan kelulusan dari badan kuasa yang tertinggi di Brunei itu.

---

<sup>1</sup> Lihat Memorandum Setiausaha Tanahjajahan bagi Masa Depan Brunei, CO 537/2244 dan Sultan kepada Raja Britain, 6 Julai 1946, CO 537/1613.

<sup>2</sup> CO 537/2244, Memorandum Setiausaha Tanahjajahan tentang masa depan Brunei, 24 Disember 1947.

Setelah berjaya meyakinkan Sultan dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Kerajaan British telah meluluskan rancangan itu pada bulan Januari 1948.<sup>3</sup> Pada masa yang sama tersibar khabar angin di Brunei bahawa Gabenor Sarawak telah dilantik sebagai Gabenor Brunei. Khuatir yang khabar itu akan menimbulkan tentangan dan menggagalkan rancangan berkenaan, pada bulan Mac Residen L.H.N. Davis bersama Pengiran Bendahara Pengiran Muda Omar Ali Saifuddien, Pengiran Pemanca dan Setiausaha Sulit Sultan telah mengadakan perjumpaan dengan rakyat di seluruh negeri bagi menerangkan rancangan itu.

Dalam laporannya ke London, Residen menyebutkan bahawa tentangan hanya datang dari beberapa ahli Barisan Pemuda yang, beliau katakan, “sudah tidak aktif lagi”.<sup>4</sup> Dato Haji Marsal bin Maun, salah seorang bekas ahli BARIP, memberi tahu dalam temubual bahawa ramai rakan-rakan beliau lebih suka Brunei bersekutu dengan Tanah Melayu daripada dengan Sarawak, sebuah tanah jajahan.<sup>5</sup> Tetapi oleh kerana persatuan mereka pada ketika itu sudah lemah mereka tidak berupaya untuk memberi tentangan yang berkesan dan cukup kuat untuk diambil perhatian oleh British.

Pada 17 April 1948 Sultan dan Gabenor Sarawak memeterai satu perjanjian pengambilan pegawai-pegawai kanan, termasuk Residen dan Penolong Residen, dari Perjawatan Sarawak oleh Kerajaan Brunei. Ini diikuti oleh upacara perisytiharan pemindahan kuasa bagi Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei dari Malcom MacDonald kepada Sir Charles Arden-Clarke, Gabenor Sarawak pada 1 Mei 1948. Pada hari yang sama MacDonald telah dilantik sebagai Pesuruhjaya-Am British bagi Asia Tenggara. Dalam ucapannya, Arden-Clarke sekali lagi memberi jaminan bahawa Brunei tidak akan berada di bawah Sarawak atau Sarawak di bawah Brunei dan pentadbiran bagi kedua negeri tersebut tetap berasingan serta status Brunei sebagai sebuah negeri naungan dengan Pesuruhjaya Tingginya tidak berubah.<sup>6</sup>

### Rancangan Penyatuan Brunei dengan Sarawak dan Sabah

Penyatuan pentadbiran Brunei dengan Sarawak merupakan kejayaan British dalam usaha mereka mendekatkan wilayah-wilayah mereka di Asia Tenggara. Sebenarnya para perancang British semasa perang telah membuat cadangan untuk menyatukan Malaya, Singapura, Sarawak, Brunei dan Sabah dalam satu konfederasi apabila mereka berjaya semula menduduki wilayah-wilayah tersebut. Tetapi apabila perang berakhir rancangan itu tidak dapat dilaksanakan kerana kemusnahan akibat perang di wilayah berkenaan memerlukan masa lama bagi pemulihan semula. Di samping itu mereka mendapati tahap pembangunan di antara wilayah-wilayah itu berbeza, hubungan serta perdagangan di

---

<sup>3</sup> CO 537/2244, Memorandum Setiausaha Tanah jajahan tentang masa depan Brunei, 24 Disember 1947 dan MacDonald kepada Setiausaha Tanah jajahan, 10 Januari 1948.

<sup>4</sup> Laporan Residen telah dikirim oleh Pemangku Gabenor Am kepada Setiausaha Tanah jajahan pada 9 Mac 1948, lihat Fail CO 943/1/59706.

<sup>5</sup> Temubual dengan Dato Haji Marsal bin Maun pada bulan April 1993.

<sup>6</sup> CO 943/1/59706, Gabenor Sarawak kepada Setiausaha Tanah jajahan, 18 Mei, 1948.

antara mereka sangat lemah, dan juga pertalian bangsa antara wilayah-wilayah itu tidak ada.<sup>7</sup>

Bagaimanapun idea penyatuan wilayah-wilayah Borneo masih terus menjadi dasar bagi British dan usaha-usaha ke arah itu tetap diteruskan seperti dasar penyatuan jabatan-jabatan kerajaan seperti geologi, meteorologi, kehakiman dan seumpamanya.<sup>8</sup> Tugas bagi menggalakkan penyatuan wilayah-wilayah British di Asia Tenggara diberikan kepada Malcolm MacDonald yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Am British di Asia Tenggara pada tahun 1948.

Apabila rancangan pemulihan di wilayah-wilayah Borneo sudah selesai pada awal 1950an, MacDonald telah berunding dengan Sir Anthony Abell, Gabenor Sarawak yang juga menjadi Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei dan Sir Ralph Hone, Gabenor Sabah untuk mencari jalan bagaimana menyatukan ketiga-tiga wilayah itu. Di akhir perbincangan itu mereka setuju untuk menubuhkan sebuah Persidangan Antara-Wilayah (*Inter-Territorial Conference*) yang bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan bersama. Tetapi sebenarnya tujuan utamanya adalah untuk menggalakkan idea penyatuan politik antara para pemimpin di ketiga wilayah berkenaan.<sup>9</sup> Bagaimanapun idea penyatuan ketiga wilayah itu tidak pernah disentuh secara khusus dalam persidangan antara tiga wilayah itu.

Persidangan Antara-Wilayah itu adalah berbentuk sebuah majlis perundingan dan tidak ada kuasa perlembagaan atau undang-undang. Persidangan yang diadakan dua kali setiap tahun secara bergilir di tiga wilayah berkenaan adalah dipengerusikan oleh MacDonald dan keahliannya terdiri dari Sultan Brunei, Gabenor Sarawak dan Gabenor Sabah dan pegawai-pegawai tertinggi masing-masing termasuk Residen dan beberapa orang ahli Majlis Mesyuarat masing-masing.

Rancangan Penyatuan wilayah-wilayah British di Asia Tenggara telah dibincangkan dengan serius oleh MacDonald bersama dengan Abell, Roland Turnbull, Gabenor baru Sabah dan Sir John Martin, Penolong Setiausaha Rendah Tanahjajahan di Kuching pada bulan Oktober 1954. Sultan Brunei atau wakil baginda tidak dijemput untuk hadir kecuali Abell dalam kedudukannya sebagai Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei.<sup>10</sup>

Pegawai-pegawai British itu bersetuju cadangan penyatuan wilayah-wilayah British akan dilaksanakan dalam dua peringkat: pertama, penyatuan wilayah-wilayah Borneo dan kedua, kesatuan Borneo itu digabungkan dengan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.

---

<sup>7</sup> CO 825/35/55104/1942, A Post-War Settlement in the Far East- Need for a define policy, September 1942 dan CO 825/35/55104/1943, Memorandum on plans for constitutional reconstruction in the Far East, 20 Marh 1943.

<sup>8</sup> CO 1022/61, Political Objectives in British territories in South East Asia, 10 March 1953.

<sup>9</sup> CO 1022/294, Minutes of the First Meeting of the Borneo Inter-Territorial Conference, held at Kuching on 21 April 1953 dan Pesuruhjaya Am kepada Setiausaha Tanahjajahan, 4 Februari 1953.

<sup>10</sup> CO 1030/164, Note of Meeting at Kuching to consider closer association between the Borneo Territories, 28 October 1954.

Dalam penyatuan wilayah-wilayah Borneo terdapat percanggahan pendapat di antara Turnbull dan Abell. Turnbull mencadangkan ketiga wilayah itu disatukan menjadi sebuah negeri dengan menghapuskan sempadan yang membahagikan di antara wilayah-wilayah berkenaan. Turnbull berpendapat penyatuan penuh ini akan melahirkan satu unit yang boleh berunding dengan Singapura dan Malaya pada tahap yang sama. Tetapi rancangan Turnbull itu ditentang oleh Abell yang mengatakan bahawa Brunei tidak akan pernah setuju dan melihat cadangan itu sebagai helah untuk mendapatkan sebahagian kekayaan Brunei untuk kedua jirannya.

Sebagai jalan tengah MacDonald mengemukakan satu cadangan yang dipercayai boleh diterima oleh ketiga wilayah berkenaan. Menurut cadangan itu sebuah Majlis Tetap Bersama (*Joint Standing Council*) ditubuhkan di mana ketiga-tiga wilayah itu akan diwakili secara sama rata. Majlis itu akan dijadikan sebagai sebuah badan berperlembagaan dengan kuasa eksekutif dalam beberapa bidang tertentu yang dipersetujui bersama dan ia akan menjadi badan pembuat dasar yang penting bagi ketiga wilayah berkenaan.

Sebagai pujukan kepada Brunei, MacDonald mencadangkan supaya Brunei tidak lagi di bawah Gebenor Sarawak dalam kedudukannya sebagai Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, sebaliknya Residen dijadikan Pesuruhjaya Tinggi yang bertanggungjawab langsung ke London. Perjanjian di antara Brunei dan Britain perlu disemak semula dengan mengubah peruntukan yang memastikan Sultan menerima nasihat Residen. Selanjutnya beliau mencadangkan supaya Labuan dan Bahagian Kelima Sarawak (Limbang, Terusan dan Lawas) diletakkan di bawah Brunei dan Sultan Brunei menjadi ketua Agama Islam bagi ketiga wilayah Borneo. MacDonald juga ingin melihat Sultan menjadi "*Lieutenant-Governor*" dengan tanggungjawab khas atas tiga wilayah berkenaan; tetapi cadangan ini ditentang oleh Abell yang tidak mahu kuasa Brunei diperluas ke seluruh wilayah Borneo.<sup>11</sup>

Pejabat Tanah Jajahan di London pada dasarnya hanya setuju penubuhan Majlis Mesyuarat Tetap Bersama, tetapi cadangan-cadangan lain dianggap terlalu awal untuk dipersetujui dan menasihatkan MacDonald memperlambatkan proses penyatuan wilayah-wilayah itu kerana ditakuti akan mengganggu perundingan tentang perlembagaan baru Brunei yang sedang berjalan pada masa itu.<sup>12</sup>

Apabila jawatan Pesuruhjaya Am diambilalih oleh Sir Robert Scott pada bulan September 1955 cadangan penyatuan wilayah-wilayah Borneo berubah dari cadangan MacDonald. Ketiga wilayah, Sarawak, Sabah dan Brunei akan diletakkan di bawah seorang ketua pentadbir yang akan menjalankan kuasa Gabenor di Sarawak dan Sabah dan memegang jawatan Pesuruhjaya Tinggi di Brunei. Ketua Pentadbir itu akan menjadi pengerusi tetap bagi Majlis Mesyuarat Tetap Bersama yang mempunyai ahli-ahli rasmi dan tidak rasmi Majlis Mesyuarat Negeri ketiga wilayah berkenaan yang akan membuat

---

<sup>11</sup> Cadangan MacDonald itu dilampirkan bersama surat beliau kepada Setiausaha Tanah Jajahan pada 4 February 1955 dalam fail CO 1030/164. Lihat juga nota mesyuarat untuk mempertimbangkan penyatuan Wilayah-Wilayah pada 28 Oktober 1954 dalam fail yang sama.

<sup>12</sup> CO 1030/164 London kepada MacDonald, 25 March 1955.

keputusan dasar bagi beberapa perkara seperti pertahanan, hal ehwal hubungan luar dan lain-lain yang dipersetujui oleh ketiga wilayah. Abell mencadangkan Ibu Pejabat ketua tersebut berpusat di Brunei, tetapi Scott mahu menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan di mana ketua baru itu akan beribu pejabat dan pada kemudian hari Labuan akan dikembalikan kepada Brunei.<sup>13</sup>

Cadangan pembentukan ketiga wilayah Borneo di bawah seorang ketua pentadbir tidak dipersetujui oleh Pejabat Tanahjajahan kerana ditakuti Sarawak dan Sabah merasa diturunkan taraf dari sebuah tanahjajahan. Sebaliknya London mencadangkan supaya kedua buah tanahjajahan itu mengekalkan gabenor masing-masing dan Brunei mengekalkan Residennya. Pesuruhjaya Tinggi bagi Brunei dilantik menjadi pengerusi Majlis Mesyuarat Tetap Bersama Borneo yang mempunyai sebuah sekretariat kecil di Labuan. Beliau juga akan menjalankan tugas sebagai Pesuruhjaya Am British bagi penyelarasan di wilayah Borneo. Pejabat Tanahjajahan menegaskan bahawa walaupun pejabat Pesuruhjaya Tinggi bagi Brunei terletak di Labuan tidak seharusnya Labuan menjadi wilayah Brunei.<sup>14</sup>

Scott dan gabenor-gabenor Sarawak dan Sabah berpendapat cadangan Pejabat Tanahjajahan itu tidak menarik bagi Brunei. Mereka membuat cadangan supaya ketiga wilayah itu mempunyai kerajaan tempatan masing-masing yang demokratik. Bagi Sarawak dan Sabah Queen British akan menjadi Raja Berpelembagaannya dan Brunei Sultan Brunei. Seorang Pesuruhjaya Tinggi dilantik yang hanya berkuasa bagi bidang-bidang yang dipersetujui diletakkan di bawah kawalan pusat. Beliau akan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Penasihat yang keahliannya dilantik dari Majlis Mesyuarat di ketiga wilayah berkenaan. Ibu pejabat Pesuruhjaya Tinggi diletakkan di Labuan dan kedaulatan pulau itu diserahkan kepada Brunei. Brunei dan Sarawak dipisahkan dan satu perjanjian baru akan dibuat di antara Sultan dengan Britain yang menjamin sokongan Britain terhadap negeri dan keluarga baginda.<sup>15</sup>

London pada prinsipnya setuju dengan cadangan tersebut tetapi kurang senang dengan beberapa aspek, termasuk penyerahan Labuan kepada Brunei dan pemisahan antara Brunei dengan Sarawak dan meminta supaya perkara-perkara itu tidak dibincangkan dengan Sultan Brunei.<sup>16</sup>

Abell menghadap Sultan untuk membincangkan cadangan penyatuan ketiga wilayah Borneo pada bulan Ogos 1957. Seperti yang dijangka oleh pegawai-pegawai British tempatan, Sultan tidak menunjukkan sebarang minat terhadapnya. Baginda tidak melihat ada kebaikan cadangan tersebut bagi Brunei, selain dari keselamatan yang, baginda percaya, sudah dicapai di bawah perjanjian dengan Britain. Malah baginda mengatakan

---

<sup>13</sup> Lihat fail CO 1030/164, surat Abell kepada Pejabat Tanahjajahan, 6 April 1956 dan surat Penolong Pesuruhjaya Am kepada Pejabat Tanahjajahan, 5 Jun 1956.

<sup>14</sup> CO 1030/Notes on discussion between Colonial Office with Sir Anthony Abell, 22 June 1956 and discussin with Sir Robert Scott, 26 July 1956.

<sup>15</sup> CO 1030/556, Scott kepada Pejabat Tanahjajahan, 25 Februari 1957 yang melampirkan memorandum penyatuan wilayah-wilayah Borneo.

<sup>16</sup> CO 1030/556, London kepada Pemangku Pesuruhjaya Am, 14 Mac 1957.

bahawa hubungan antara Brunei dengan Britain sudah sekian lama berjalan dengan efektif, kerananya tidak perlu khawatir dengan keselamatan Brunei. Baginda percaya Britain akan terus menaungi Brunei.<sup>17</sup>

Apabila Sultan berjumpa dengan Alan Lennox-Boyd, Setiausaha Tanahjajahan, di London pada bulan September 1957, baginda juga tidak menunjukkan sebarang minat terhadapnya kerana tidak ada sesuatu yang baru dihadapkan kepada baginda. Baginda tidak setuju cadangan Penyatuan Borneo itu dibincangkan secara terbuka di Brunei.

Walaupun gagal memujuk Sultan untuk mempersetujui cadangan penyatuan Borneo, Kerajaan British telah meluluskan cadangan penyatuan wilayah-wilayah Borneo pada 4 Disember 1957 dan diikuti dengan pengumuman serentak melalui radio di Sarawak dan Sabah pada 7 Februari 1958. Pengumuman itu menandakan permulaan perbincangan awam di kedua wilayah Borneo itu. Pada bulan Januari 1958 usaha Setiausaha Tanahjajahan memujuk Brunei dengan menulis surat kepada Sultan supaya membenarkan perbincangan awam tentang cadangan itu juga gagal.<sup>18</sup>

Bagi Sarawak dan Sabah pula perbincangan telah diadakan di berbagai peringkat. Di Sarawak kaum Cina menyokong cadangan itu, tetapi mesyarakat pribumi yang lebih mundur hanya setuju jika sekiranya kepentingan mereka dilindungi. Penduduk Sabah pula pada amnya setuju dan mencadangkan ketiga wilayah terlibat mengkaji bersama cadangan penyatuan itu.<sup>19</sup> Tetapi sambutan dingin dari Brunei telah menjadikan cadangan itu tidak praktikal untuk diteruskan; sedangkan perkembangan politik di Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu menjadikan cadangan Federasi Malaysia lebih mendesak.

### Rancangan Perubahan Perlembagaan

Pada masa yang sama cadangan penyatuan Borneo dibincangkan oleh pegawai-pegawai British, rancangan bagi perubahan perlembagaan dan politik di Brunei dibincangkan oleh Sultan dan British. Sebenarnya sejak penghujung 1940an British telah mula memikirkan dengan serius untuk membuat perubahan politik dan sosial di Brunei sesuai dengan dasar yang telah dirangka semasa perang. Bagaimanapun British mendapati bahawa mereka tidak mempunyai kuasa untuk menggubal perlembagaan baru bagi Brunei kerana kuasa tersebut terletak di tangan Sultan. Perjanjian di antara Britain dan Brunei 1888 dan 1905/06 hanya memberikan kuasa penuh kepada British dalam hal ehwal luar negeri, sedangkan kuasa dalam negeri hanyalah melalui kuasa nasihat yang dipegang oleh Residen. Rancangan untuk membuat perjanjian baru dengan Sultan Ahmad Tajuddin bagi memberikan kuasa penuh kepada Mahkota British dalam hal ehwal dalam negeri telah tidak terlaksana kerana British takut akan terjadi tentangan seperti yang mereka hadapi di Semananjung Tanah Melayu dan Sarawak. Akhirnya British mengambil

---

<sup>17</sup> CO 1030/556, Pesuruhjaya Tinggi ke London, 16 Ogos 1957.

<sup>18</sup> CO 1030/566, Sultan kepada Setiausaha Tanahjajahan, 1958.

<sup>19</sup> CO 1030/557, Abell kepada London, 4 Jun 1958 dan Turnbull kepada Abell, 17 April 1958.

keputusan untuk menggunakan kuasa nasihat Residen untuk memperkenalkan perlembagaan baru bagi Brunei.<sup>20</sup>

Sebenarnya British telah lama menghadapi tekanan untuk mengubah Perjanjian 1905/06 itu daripada Sultan Ahmad Tajuddin kerana kuasa nasihat Residen itu telah menghadkan kuasa baginda dalam hal ehwal kerajaan dan pentadbiran.

Walaupun pada teorinya kuasa tertinggi dalam negeri diletakkan pada “Sultan-in-Council” iaitu Majlis Mesyuarat Negeri yang dipengerusikan oleh Sultan pada praktiknya Residenlah yang banyak membuat keputusan melalui kuasa nasihat yang diperuntukkan oleh Perjanjian 1905/06. Keahlian Majlis Mesyuarat Negeri yang ditubuhkan pada 1906 terdiri daripada para penasihat tradisional Sultan telah menjadikan Majlis tersebut tidak efektif dan dewan majlis itu tidak lebih dari “cop getah” Residen bagi meluluskan semua dasarnya. Residen juga berkuasa penuh dalam pentadbiran kerana beliau merupakan pegawai eksekutif tertinggi yang melaksanakan dasar dan menjalankan pentadbiran hari ke hari.<sup>21</sup>

Keadaan ini telah menjadikan Sultan Ahmad Tajuddin tidak berpuas hati dan pada bulan May 1950 baginda mengambil keputusan untuk pergi sendiri ke London untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan perubahan masa depan Brunei, termasuk perjanjian tentang minyak supaya Brunei mendapatkan lebih daripada apa yang diberikan oleh Syarikat Minyak Shell pada masa itu. Tetapi malangnya hajat baginda itu tidak kesampaian apabila baginda mangkat di Singapura dalam perjalanan ke London.

Oleh kerana Sultan Ahmad Tajuddin hanya meninggalkan seorang Puteri, pembesar-pembesar Brunei telah memilih adinda baginda Pengiran Bendahara Pengiran Muda Omar Ali Saifuddien menjadi pengganti baginda sebagai Sultan Omar Ali Saifuddien III pada bulan Jun 1950. Walaupun percubaan Gerald MacBryan, yang mendakwa sebagai penasihat politik Sultan Ahmad Tajuddin, untuk menuntut tahta Brunei bagi pihak puteri baginda telah ditolak oleh Kerajaan Brunei, namun perkara itu memerlukan undang-undang dan peraturan bertulis tentang pengganti-pengganti raja Brunei supaya masalah sama tidak berulang di masa hadapan.<sup>22</sup>

Kemangkatan Sultan Ahmad Tajuddin tidak mengurangkan desakan ke atas permintaan untuk mengubah kuasa nasihat Residen. Sultan Omar Ali Saifuddien juga mempertikaikan kuasa Residen berbanding dengan kuasa baginda dan juga kuasa Majlis Mesyuarat Negeri.<sup>23</sup>

Berikutan dengan hal ini, British mengambil keputusan untuk menasihatkan Sultan Omar Ali Saifuddien untuk memperkenalkan perlembagaan bertulis bagi Brunei dan membuat

---

<sup>20</sup> Lihat fail CO 943/1/59706/1 yang mengandungi minit-minit perbincangan di Pejabat Tanahajajaan dan surat menyurat di antara Pejabat Tanahajajaan dengan Pesuruhjaya Tinggi British.

<sup>21</sup> Untuk perbincangan mendalam mengenai kuasa Residen lihat A.V.M.Horton, *The British Residency in Brunei, 1906-1959*, Hull: University of Hull, 1984.

<sup>22</sup> CO 943/2/59721, Pesuruhjaya Tinggi kepada Setiausaha Tanahajajaan, 9 Jun 1950, dan 19 Jun 1950.

<sup>23</sup> Lihat R.H.Hickling, *Memorandum Upon Brunei Constitutional History and Practice*, (dalam bentuk manuskrip), Januari 1955.



perubahan Perjanjian 1905/06. Pada tahun 1953 Sultan telah mengemukakan cadangan untuk memperkenalkan perlembagaan bertulis kepada dewan Majlis Mesyuarat Negeri yang diluluskan sebulat suara.

Cadangan perlembagaan Sultan itu mengandungi undang-undang tentang pengganti raja dan keahlian, kuasa dan peranan Majlis Mesyuarat Negeri serta undang-undang bagi menjalankan urusan negeri dan bagi penggubalan undang-undang. Baginda mahu membesarkan keahlian Majlis Mesyuarat Negeri yang dilantik dari kalangan rakyat baginda bagi menasihatkan baginda dalam kemajuan negeri. Baginda juga berhasrat untuk menubuhkan Majlis Mesyuarat Daerah di setiap keempat daerah yang berfungsi sebagai badan penasihat kepada baginda dan Majlis Mesyuarat Negeri tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan tempatan dan membantu baginda dalam pentadbiran dan perkembangan daerah masing-masing. Baginda berharap pada masa depan penduduk di kawasan berkenaan akan membantu baginda untuk memilih ahli-ahli majlis berkenaan dan juga menjadi hasrat baginda bagi Majlis-Majlis Mesyuarat Daerah memilih di antara ahli masing-masing yang dapat baginda jemput untuk duduk dalam Majlis Mesyuarat Negeri bersama-sama penasihat baginda dan membantu baginda dalam pemerintahan negeri.<sup>24</sup>

Setelah berunding dengan Residen, Sultan telah melantik Jawatankuasa Penasihat Perlembagaan dengan keahlian seramai tujuh orang yang bertujuan untuk meminta pandangan rakyat tentang cadangan baginda itu. Selepas itu jawatankuasa berkenaan dititahkan untuk melawat Semananjung Tanah Melayu bagi mengkaji sistem perlembagaan dan pentadbiran di sana.

Jawatankuasa berkenaan telah selesai melaksanakan tugas dan menghadapkan laporannya pada 23 Mac 1954. Laporan tersebut telah digunakan oleh British sebagai panduan dalam merangka perlembagaan bagi Brunei. Sementara menunggu perlembagaan tersebut siap digubal pada bulan September 1954 Majlis Penasihat Daerah ditubuhkan di setiap daerah dan Sultan telah melantik wakil-wakil dari setiap majlis berkenaan menjadi pemerhati dalam Majlis Mesyuarat Negeri.<sup>25</sup>

Masalah yang dihadapi oleh Brunei ketika itu ialah kekurangan pemimpin dan pegawai yang mempunyai pelajaran dan pengalaman dalam pemerintahan dan pentadbiran. Bagi mengatasi masalah ini satu rancangan memperkenalkan penubuhan kerajaan tempatan dirangka yang bertujuan untuk memberi peluang kepada bakal-bakal wakil rakyat dalam Majlis Mesyuarat Negeri mendapat latihan dan pengetahuan dalam hal-hal pemerintahan kerana dalam cadangan perlembagaan itu separuh daripada ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri akan dipilih dari kalangan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Tempatan. Bagaimanapun apabila rancangan itu hendak diperkenalkan pada tahun 1956 ia menghadapi tentangan daripada segenap lapisan mesyarakat yang menyebabkan rancangan itu terpaksa ditangguhkan sehingga rakyat lebih bersedia menerimanya.<sup>26</sup>

---

<sup>24</sup> CO 1022/396, Pesuruhjaya Tinggi kepada Setiausaha Tanahjajahan, 13 Mei 1953.

<sup>25</sup> CO 1030/113, Pesuruhjaya Tinggi kepada Setiausaha Tanahjajahan, 5 Ogos, 1954, Laporan Tahunan Brunei, 1955.

<sup>26</sup> BA/1591/1983, the Government Press Release, Oktober 1956, *The Borneo Bulletin*, 13 Oktober 1956.

Penolong Resident meringkaskan sebab-sebab utama bagi penentangan itu ialah rakyat takut dengan bebanan cukai yang menjadi ciri penting dalam cadangan kerajaan tempatan dan juga takut dengan orang-orang bukan tempatan yang akan menguasai jawatan-jawatan utama dalam kerajaan tempatan itu kerana orang-orang tempatan belum ramai yang mempunyai pelajaran.<sup>27</sup> Sebagai gantinya Majlis Mesyuarat Penasihat Daerah telah dijadikan sebagai Majlis Mesyuarat Daerah yang mempunyai peranan dan kuasa hampir sama dengan badan-badan kerajaan tempatan.

### Kemunculan Partai Rakyat Brunei

Pada masa yang sama sebuah parti politik, Partai Rakyat Brunei (PRB) telah muncul dan didaftar di Brunei. Kemunculannya pada masa kritikal ini berkemungkinan ada hubungkaitnya dengan cadangan British untuk menyatukan wilayah-wilayah Borneo yang sedang dibincangkan secara tertutup oleh pegawai-pegawai British di wilayah-wilayah berkenaan dan London dan juga rancangan untuk memperkenalkan perlembagaan bertulis itu. Nampaknya bukan kebetulan, jika dari mula PRB sudah mempunyai tujuan untuk penyatuan ketiga wilayah Borneo kalau tidak didorong secara langsung atau tidak langsung oleh pihak British. Abell telah memberi tahu PRB bahawa parti itu dibolehkan membuka cawangan di Sarawak dan mencadangkan supaya berunding dengan pihak berkuasa Sabah bagi kebenaran di wilayah berkenaan.<sup>28</sup> Bagaimanapun percubaan untuk menjadikan PRB sebagai parti se-Borneo tidak kesampaian apabila Sultan Brunei tidak membenarkan pendaftaran PRB kecuali menggugurkan hasratnya untuk menjalankan aktivitinya di kedua wilayah Borneo itu.<sup>29</sup>

Dari mula pendaftarannya pada bulan Ogos 1956, PRB telah mendesak kerajaan dan British untuk melibatkan wakil-wakil parti dalam perundingan mengenai perlembagaan yang akan diperkenalkan itu. Pada akhir bulan 1957 PRB telah menghantar rombongan yang digelar Misi Kemerdekaan yang dianggotai oleh Shiekh Azahari bin Shiekh Mahmud, Presiden parti, Yassin bin Affendi, Setiausaha Agong dan Zaini bin Ahmad, salah seorang ahli Dewan Pusat ke London untuk membincangkan cadangan-cadangan PRB mengenai perlembagaan Brunei. Cadangan-cadangan parti itu terkandung dalam sebuah memorandum yang telah dirangka dan dihadapkan lebih awal kepada Setiausaha Tanahjajahan di London.<sup>30</sup>

Antara lain kandungan memorandum itu, PRB mencadangkan supaya Sistem Residen dihapuskan dan diganti dengan Sistem Berkementerian yang diketuai oleh seorang Menteri Besar. Parti yang menang dalam pilihan raya akan dilantik menubuhkan kerajaan dan kuasa tertinggi diletakkan pada kerajaan yang dilantik. Sultan yang akan menjadi Raja Berpelembagaan menjalankan pemerintahan atas nasihat Menteri Besar.

---

<sup>27</sup> BA/1591/1983, "Report on Attempt to Introduce Local Government" oleh B.L.Bruen n.d.

<sup>28</sup> Temubual dengan Yassin Affandi pada Disember 1992 dan Jun 1993.

<sup>29</sup> Lihat kertas-kertas mengenai Partai Rakyat Brunei dalam fail BA/1612/1983.

<sup>30</sup> Memorandum PRB dikembarkan dalam surat Pesuruhjaya Tinggi kepada Setiausaha Tanahjajahan, 18 Julai 1957.

PRB juga mencadangkan supaya hubungan dengan British diteruskan di mana Brunei kekal menjadi negeri naungan dan mempunyai seorang penasihat British tetapi kuasa nasihat itu tidak semestinya dilaksanakan oleh kerajaan. Sistem berkerajaan sendiri ini akan berjalan sehingga Brunei mencapai kemerdekaan penuh. Di samping itu PRB juga mencadangkan supaya wilayah-wilayah Borneo disatukan di bawah Persekutuan Borneo di mana wilayah berkenaan mengekalkan sistem perlembagaan masing-masing.

Walaupun misi PRB itu telah diterima oleh Alan Lennox-Boyd, Setiausaha Tanahjajahan tujuan untuk membincangkan isi kandungan memorandum itu tidak kesempaian apabila beliau enggan membincangkannya. Sebaliknya Lennox-Boyd menasihatkan Azahari dan rakan-rakannya supaya memberi sokongan kepada cadangan perlembagaan Sultan yang beliau lihat lebih sesuai bagi tahap kemajuan Brunei pada ketika itu. British berpendapat bahawa cadangan PRB yang lebih jauh maju dari cadangan perlembagaan Singapura pada ketika itu hanya sesuai bagi Brunei setelah berpengalaman 10 ke 15 tahun di bawah sebuah perlembagaan.<sup>31</sup>

Kegagalan misi ke London itu telah memberi kesan kepada perkembangan PRB. Beberapa orang pemimpin parti itu meletak jawatan termasuk Zaini dan Salleh bin Masri, Timbalan Presiden. Sokong terhadap parti itu telah menurun, mujurlah cadangan Persekutuan Malaysia pada 1961 memberi isu kepada PRB untuk mendapat sokongan semula. Tetapi malangnya penolakan British untuk berunding dengan PRB itu telah memberi kemenangan kepada pemimpin-pemimpin radikal PRB untuk memilih jalan keras seperti yang disaksikan pada peristiwa berdarah pada 1962.

### Pemasyhuran Perlembagaan Bertulis dan Perjanjian Baru dengan Britain 1959

Walaupun PRB gagal untuk ikut serta dalam perundingan perlembagaan kemunculannya sebagai sebuah parti politik yang popular telah memberi tekanan kepada Kerajaan dan British untuk menyesuaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh parti itu dalam merangka perlembagaan baru itu. Penghantaran Misi Kemerdekaan oleh PRB ke London telah memaksa British untuk mengumumkan rangka cadangan perlembagaan termasuk cadangan pilihan raya walaupun perkara itu belum lagi muktamad. Tujuan pengumuman itu adalah supaya rakyat akan melihat bahawa Kerajaan dan British juga sedang merancang untuk memperkenalkan perlembagaan yang demokratik dan juga supaya parti itu tidak ada isu untuk dibincangkan dengan Pejabat Tanahjajahan. Di samping itu kemunculan PRB yang popular itu menjadikan British mahu mengekalkan kuasa yang lebih meluas setelah perlembagaan itu diperkenalkan kerana mereka takut parti yang mereka lihat lebih condong ke Indonesia itu mendapat kuasa melalui pilihan raya dan sudah tentu ini akan menjejaskan kepentingan mereka di Brunei dan di rantau ini. Berkemungkinan juga penasihat-penasihat Sultan kluatir dengan kemunculan PRB itu akan menggugat sistem pemerintahan yang wujud pada masa itu dan memperngaruhi

---

<sup>31</sup> CO 1030/464, Minit oleh Whiteley, 14 Ogos 1957 dan Nota Mesyuarat yang diadakan dibilik Setiausaha Tanahjajahan pada 30 September 1957.

mereka untuk tidak terlalu awal untuk memperkenalkan perlembagaan yang membolehkan penubuhan kerajaan melalui pilihan raya.

Tetapi dengan alasan bahawa Brunei belum berpengalaman dalam pentadbiran dan hal ehwal kerajaan, British mahu mengekalkan jawatan dan kuasa Pesuruhjaya Tinggi dan Residen untuk beberapa ketika lagi. Sultan yang disokong oleh ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri mendesak supaya kuasa Pesuruhjaya Tinggi dihadkan kepada hal ehwal luar negeri, pertahanan dan keselamatan Brunei dan jawatan Residen dihapuskan dan dilantik pula seorang Menteri Besar sebaik sahaja perlembagaan dimesyurkan. Perkara ini merupakan isu yang paling sukar dalam perundingan di antara Sultan dan Pesuruhjaya Tinggi British. Akhirnya perundingan terpaksa dibawa ke London dengan Setiausaha Tanahjajahan pada awal tahun 1959. Hanya setelah mendapat persetujuan bahawa kuasa dan kepentingan British terjamin melalui perjanjian baru di antara Brunei dan Britain, maka masalah perlembagaan itu akhirnya dapat di atasi.

Pada 29 September 1959 Sultan Omar Ali Saifuddien telah memasyhurkan Perlembagaan Negeri Brunei bersama dengan Pemasyhuran Perlantikan Pengganti Raja dan Perlantikan Pemangku Raja. Pada masa yang sama Brunei dan Britain juga memeterai perjanjian baru yang mengekalkan Brunei sebagai sebuah negeri naungan British. Perjanjian tersebut memberikan British tanggungjawab penuh ke atas hal ehwal luar dan pertahanan serta keselamatan dalam negeri Brunei.

Jawatan Residen telah dihapuskan dan sebaliknya seorang Pesuruhjaya Tinggi British yang menetap di Brunei dilantik yang bertanggungjawab terus ke Pejabat Tanahjajahan di London. Berbeza dengan Residen yang menjadi penasihat Sultan dan *de facto* pegawai eksekutif utama, Pesuruhjaya Tinggi mempunyai peranan yang lebih kecil dalam hal ehwal dalam negeri. Beliau menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam kedudukannya sebagai penasihat kepada Kerajaan dalam semua perkara yang berkaitan dengan pemerintahan negeri selain dari agama Islam dan adatistiadat Melayu.<sup>32</sup> Pada hakikatnya, bagaimanapun, seperti yang diakui oleh seorang pegawai Pejabat Tanahjajahan, kuasa Pesuruhjaya Tinggi sebenarnya terhad kepada pertahanan dan hal ehwal luar dan keselamatan dalam negeri memandangkan kaitannya dengan pertahanan dan juga kepada satu atau dua perkara lain seperti perbankan dan mata wang.<sup>33</sup> Sebenarnya Sultan tidak wajib menerima nasihat Pesuruhjaya Tinggi kerana terdapat peruntukan dalam perjanjian yang baginda boleh berhubung terus kepada Queen melalui Setiausaha Tanahjajahan jika baginda memerlukan.<sup>34</sup>

Kuasa tertinggi dalam negeri yang sebelumnya diletak pada "Sultan-in-Council" telah diletakkan pada Sultan. Bagaimanapun, kuasa berkenaan boleh dijalankan oleh pegawai-pegawai negeri atas nama Sultan. Pegawai utama yang bertanggungjawab kepada Sultan bagi menjalankan semua kuasa eksekutif adalah Menteri Besar yang menggantikan Residen sebagai ketua pentadbiran. Tetapi kuasa yang diberikan kepada Menteri Besar tidak mengatasi kuasa seorang Residen kerana kuasa Residen dibahagikan antara

---

<sup>32</sup> Perjanjian Brunei, 1959.

<sup>33</sup> DO 35/10035, Melville kepada MacDermid, 2 Februari 1960.

<sup>34</sup> Perjanjian Brunei 1959.

pegawai-pegawai utama negeri termasuk Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Peguam Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. Kesemua pegawai berkenaan adalah dilantik oleh Sultan.

Majlis Mesyuarat Negeri yang tertubuh sejak pentadbiran Residen bermula pada tahun 1906 dihapuskan. Sebagai gantinya tiga buah majlis mesyuarat ditubuhkan iaitu Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Majlis Mesyuarat Negeri. Fungsi Majlis Mesyuarat Diraja adalah untuk memberi nasihat kepada Sultan dalam hal pelaksanaan kuasa pengampunan, perubahan perlembagaan dan lantikan seseorang dalam jawatan tradisional, gelaran dan bintang-bintang kebesaran negeri. Majlis Mesyuarat Kerajaan, yang dipengerusikan oleh Sultan sendiri, adalah sebuah badan negeri yang paling penting kerana ia berperanan untuk memberikan pandangan dan nasihat dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar-dasar kerajaan kepada Sultan. Majlis Mesyuarat Negeri pula adalah badan membuat undang-undang dan 16 dari 33 ahlinya adalah dipilih oleh Majlis Mesyuarat Daerah yang ditubuhkan di setiap daerah yang mana ahli-ahlinya dipilih secara langsung oleh rakyat melalui pilihan raya.<sup>35</sup> Oleh kerana Brunei belum berpengalaman mengadakan pilihan raya, maka masa dua tahun diberikan untuk membuat persediaan bagi mengadakannya.

Di samping itu Perjanjian dengan dan Sarawak yang ditandatangani kedua buah negeri pada tahun 1948 telah ditamatkan dengan pembayaran pampasan kepada pegawai-pegawai Sarawak yang dipinjamkan di Brunei. Sebagai gantinya Brunei telah mengambil pegawai-pegawai British bagi beberapa pegawai utama tetapi lebih banyak pegawai-pegawai kanan diambil dari Persekutuan Tanah Melayu.

Dengan pemasyhuran Perlembagaan Bertulis dan Perjanjian dengan British itu Brunei telah mencapai status Berkerajaan sendiri kerana sekurang-kurangnya Brunei telah dapat menubuhkan dan menjalankan kerajaan dan pentadbiran sendiri. Walau bagaimanapun Brunei hanya mencapai kuasa penuh dalam negeri pada tahun 1971 apabila kuasa nasihat Pesuruhjaya Tinggi dihapuskan dan British hanya berkuasa dalam hal ehwal luar negeri dan pertahanan.

Bagaimanapun PRB yang tidak berpuas hati dengan perlembagaan baru itu mengkritiknya sebagai tidak demokratik kerana tidak ada peruntukan bagi pilihan raya yang membawa parti yang menang untuk menubuhkan kerajaan. Sungguhpun demikian, PRB yang masih belum pulih dari kesan kegagalan misinya ke London tidak dapat berbuat lebih dari itu.

### Kesimpulan

Dasar British selepas Perang Dunia Kedua adalah untuk menggalakkan kemajuan politik, sosial dan ekonomi di wilayah-wilayah tanahjajahan dan naungan mereka. Bagi Brunei pencapaian matlamat itu perlu dibuat melalui pengambilan kuasa penuh dalam negeri dari Sultan Brunei, tetapi rancangan itu gagal kerana pengalaman penentangan terhadap

---

<sup>35</sup> Lihat Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

Malayan Union dan Penyerahan Sarawak menyebabkan cadangan itu dibatalkan. British mahukan kuasa penuh itu untuk memudahkan mereka untuk memperkenalkan perubahan-perubahan selepas Perang Pasifik seperti yang digariskan di dalam dasar bagi wilayah-wilayah tanah jajahan dan naungan mereka.

Kegagalan mendapat kuasa itu merupakan antara sebab yang menjadikan rancangan penyatuan pentadbiran Brunei dan Sarawak hanya mencapai kejayaan yang terhad. Begitu juga kegagalan rancangan penyatuan Brunei dengan wilayah-wilayah Borneo adalah disebabkan British tidak dapat memaksa Brunei untuk menyertainya. Di samping itu percanggahan pandangan di antara pegawai-pegawai British di wilayah-wilayah berkenaan dengan London menyebabkan rancangan itu menemui kegagalan sejak mula ia diperkenalkan.

Selaras dengan dasar untuk memperkenalkan pembaharuan politik di wilayah-wilayah mereka, British telah menasihatkan Sultan untuk memperkenalkan perlembagaan bagi Brunei. Oleh kerana masalah kekurangan golongan terpelajar bagi menangani perubahan itu, British mahu perubahan itu dibuat secara perlahan. Tetapi Sultan dan penasihat-penasihat baginda mahu mendapat kerajaan sendiri serentak dengan pemsyukuran perlembagaan itu. Sebagai jalan tengah, perjanjian baru yang dibuat di antara Brunei dan Britain memberikan kuasa kepada British ke atas hal ehwal dalam negeri Brunei walaupun tidak seluas Residen. Brunei hanya mendapat kuasa penuh dalam negeri pada tahun 1971 dan kuasa sepenuhnya dan merdeka pada tahun 1984.